



KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
SECRETARY GENERAL OF TREASURY
Kementerian Kewangan Malaysia
Ministry of Finance Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8882 3333
Faks : 603-8882 4224
Telex : FEDTRY MA 30242
Web : www.mof.gov.my

Rujukan kami: MOF.600-40/3/3 JLD.2(22)(S)

7 Februari 2025

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Dato' Indera/ Datuk/ Dato'/
Tuan/ Puan,

BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2025 KEPADA INDIVIDU
CONTRACT FOR SERVICE

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk Wira/ Dato' Indera/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, YAB Perdana Menteri melalui pembentangan Belanjawan Tahun 2025 telah mengumumkan pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2025 sebanyak RM500.00 kepada penjawat awam Gred 15 dan ke bawah, dan pegawai/kakitangan lantikan kontrak. Selaras dengan keputusan tersebut, Kerajaan bersetuju untuk memanjangkan BKK Tahun 2025 sebanyak RM500.00 kepada individu *Contract For Service* (CFS) yang menerima kemudahan setara Gred 15 dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 25 Februari 2025 dan telah dilantik sebelum 25 Februari 2025.

3. Selain itu, bagi pesara Kerajaan dan veteran yang dilantik semula secara CFS dan masih berkhidmat pada 25 Februari 2025 layak dibayar BKK Tahun 2025 sebanyak RM500.00. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)/Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) dan bakinya sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan di mana individu CFS sedang berkhidmat.

4. Pembayaran ini **tidak layak** diberikan kepada:

- (i) Individu CFS yang ditamatkan kontrak perkhidmatan dalam tempoh 1 Januari 2025 hingga 25 Februari 2025; dan
- (ii) Individu CFS yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2025 hingga 25 Februari 2025.

5. BKK Tahun 2025 akan dibayar pada 25 Februari 2025 di bawah tanggungan Kementerian/Jabatan di mana individu CFS berkhidmat pada tarikh pembayaran.

6. Pemberian BKK Tahun 2025 ini turut dikecualikan cukai pendapatan selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN)